

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 Disember 2007

SOALAN

Y.B. Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kafe@TEEN merupakan inisiatif LPPKN untuk membantu para remaja dalam lingkungan alam remaja dengan penuh keyakinan Pusat Remaja ini telah didirikan di dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan bilakah pusat tersebut akan didirikan di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sentiasa merancang, melaksanakan program dan menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar dalam usaha mencapai visi dan misi Kementerian. Melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), perkhidmatan kepada remaja telah diberi tumpuan sebagai langkah pencegahan bagi isu-isu berkaitan kesihatan reproduktif remaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang berhasrat untuk mendirikan Pusat Remaja kafe@TEEN di seluruh negara. Kini tiga buah telahpun diwujudkan iaitu di Ibu Pejabat LPPKN, Butterworth Pulau Pinang dan Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun perluasan program ini memerlukan perancangan yang teliti terutama dari segi peruntukan, mencari lokasi yang bersesuaian serta tenaga kerja. Bagi Negeri Sabah, LPPKN berhasrat membuka klinik pada awal tahun 2008 dan perkhidmatan serta aktiviti untuk remaja akan juga diambil kira selain daripada perkhidmatan kepada wanita dan keluarga.

